



Semua Pegawai Pengawal,
Ketua Jabatan/Badan Berkanun/Agensi,
Negeri Selangor Darul Ehsan.

**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BILANGAN 4 TAHUN 2014**

**PEMAKAIAN PEKELILING PERBENDAHARAAN BILANGAN 2 TAHUN 2014
– GARIS PANDUAN PERBELANJAAN SECARA BERHEMAT BAGI
MENGURANGKAN PERBELANJAAN AWAM**

TUJUAN

1. Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Jabatan/Badan Berkanun/Agensi Negeri Selangor mengenai Pemakaian Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2014 – Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemat Bagi Mengurangkan Perbelanjaan Awam.

LATAR BELAKANG

2. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2014 – Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemat (*PP 2/2014*) telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan pada 2 Januari 2014 bertujuan memaklumkan pelaksanaan 11 langkah penjimatan oleh Kerajaan Persekutuan ke atas perbelanjaan sektor awam.

3. Sehubungan itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 13/2014 yang bersidang pada 2 April 2014 telah meluluskan cadangan sembilan (9) dari sebelas (11) langkah penjimatan pekeliling tersebut untuk diterima pakai dan disesuaikan dengan Jabatan/Badan Berkanun/Agensi Negeri Selangor.

PEMAKAIAN

4. *PP 2/2014* yang telah disesuaikan dengan Jabatan/Badan Berkanun/Agensi Negeri Selangor adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA	PEMAKAIAN			
1	Elaun Keraian / Imbuhan Tetap Kerajaan	i.) Elaun Keraian/Imbuhan Tetap Keraian bagi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (AMMKN) akan didepositkan ke Akaun Amanah Agenda merakyatkan Ekonomi Selangor seperti berikut:			
		JAWATAN	GAJI/ ELAUN RM	POTONGAN RM	GAJI/ ELAUN SELEPAS POTONGAN RM
		Y.A.B Dato Menteri Besar	29,250.00	15,074.85	14,175.15
		Y.B Ahli MMKN	20,250.00	5,250.00	15,000.00
		Y.B Tuan Speaker	22,500.00	7,500.00	15,000.00
		Y.B Tuan Timbalan Speaker	15,750.00	3,750.00	12,000.00

BIL	PERKARA	PEMAKAIAN
		ii) Imbuhan Tetap Keraian bagi pegawai kanan Kerajaan dikurangkan diantara 5 hingga 10 peratus bermula tahun 2015 iaitu : a) 5 peratus bagi Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) / Gred Khas C. b) 6 peratus bagi JUSA / Khas B, c) 8 peratus bagi JUSA / Gred Khas A; dan d) 10 peratus bagi Turus III dan ke atas.
2	Kelayakan Tiket Penerbangan dan Perjalanan ke Luar Negara	Jabatan/Badan Berkanun/Agensi perlu menguatkuasakan Waran Penerbangan Udara Awam (WPUA). Bagi lain-lain kos, Jabatan/ Badan Berkanun/ Agensi boleh menggunakan perkhidmatan syarikat lain yang menawarkan pakej harga yang rendah.
3	Kos Utiliti Elektrik	Jabatan/Badan Berkanun/Agensi dikehendaki membuat penjimatan sebanyak lima (5) peratus kos utiliti elektrik bermula tahun 2015. Bagi tujuan ini, Perbendaharaan Negeri akan menyekat lima (5) peratus peruntukan utiliti di bawah perbelanjaan mengurus tahun 2015.
4	Sewaan Ruang Pejabat	Jabatan/Badan Berkanun/Agensi hendaklah mengoptimumkan penggunaan ruang pejabat. Cadangan penyewaan pejabat baru / tambahan sewaan ruang pejabat perlulah mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri.

BIL	PERKARA	PEMAKAIAN
5	Pelantikan Perunding	Jabatan/Badan Berkanun/Agensi hendaklah mendapatkan persetujuan dan kelulusan Majlis Mesyuarat Negeri Selangor (MMKN) atau Majlis Tindakan Ekonomi Negeri (MTES) sebelum pelantikan perunding dibuat.
6	Penggunaan Syarikat Pengurusan Acara (<i>Event Management</i>)	Penggunaan Syarikat Pengurusan Acara (<i>Event Management</i>) serta pemberian sagu hati dan cenderamata adalah tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 7 Tahun 2013 (Garis Panduan Perbelanjaan Berhemat).
7	Makanan dan Minuman	Jabatan/Badan Berkanun/Agensi perlulah mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bilangan 7 Tahun 2013 (Garis Panduan Perbelanjaan Berhemat). Walau bagaimanapun, Jabatan / Badan Berkanun / Agensi boleh membuat kawalan dalaman bagi tujuan penjimatan.
8	Kain Pemandang (<i>bunting</i> dan <i>banner</i>)	Jabatan/Badan Berkanun/Agensi hendaklah mengurangkan penggunaan kain pemandang (<i>bunting</i> dan <i>banner</i>) bagi penganjuran persidangan / seminar / pameran / mesyuarat / kursus / bengkel / majlis rasmi Kerajaan dan sebagainya. Pegawai Pengawal perlulah memantau keperluan dan meminimumkan kos penggunaan kain pemandang.
9	Strategi Lautan Biru Kebangsaan	Jabatan/Badan Berkanun/Agensi hendaklah mengoptimumkan penggunaan institusi latihan milik Kerajaan bagi tujuan penganjuran persidangan / seminar / pameran / kursus / bengkel dan sebagainya.

ARAHAN-ARAHAN UMUM

5. Langkah-langkah penjimatan ini perlu dibaca bersekali dengan garis panduan perbelanjaan berhemat lain yang sedang berkuatkuasa.

TARIKH KUAT KUASA

6. Pekeliling Perbendaharaan ini berkuat kuasa pada 1 April 2014.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' NOORDIN BIN SULAIMAN)

Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Tarikh : 14 Mei 2014

Salinan kepada:

- i. Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor.
- ii. Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.
- iii. Semua Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor.